

Kesemua Naib Presiden UMNO sokong Abdullah ganti Mahathir

JUM 26 JUN 2002
Oleh ZULKIFLEE BAKAR

KUALA LUMPUR 25 Jun — Kesemua tiga Naib Presiden UMNO serta Ketua Pergerakan Wanita dan Pemuda UMNO menyatakan sokongan padu kepada keputusan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai bakal penggantinya dalam kerajaan dan parti. Sambil patuh kepada keputusan Dr. Mahathir untuk melepaskan jawatan, mereka berikrar memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Abdullah yang bakal menerajui pucuk pimpinan kerajaan dan parti selepas Oktober 2003.

Menurut mereka, Perdana Menteri telah menghilangkan segala keraguan dan ketidak-tentuan apabila menamakan Abdullah sebagai penggantinya

bagi jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau secara peribadi menyokong penuh Abdullah untuk menggantikan Dr. Mahathir dan akan memberi kerjasama kepadanya.

Menghormati

“Saya juga menerima dan menghormati hasrat Dr. Mahathir untuk meletakkan jawatan... dan beliau telah membuat keputusan ini atas kehendak sendiri tanpa merasa tertekan oleh sesiapa, tanpa rasa tergunsi hati atas apa perkara sekalipun,” katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) di ibu pejabat LJMNO di Menara Datuk Onn, PWTC hari ini.

Malah Najib berkata, beliau secara peribadi yakin keadaan

dalam UMNO dan negara yang baik sekarang akan terus kekal serta akan terus berjaya.

Sementara itu, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, cara peralihan yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir merupakan jawapan yang tepat bagi membolehkan negara terus maju di bawah kepimpinan Abdullah.

Naib Presiden UMNO itu percaya pelan peralihan kuasa yang dipersetujui itu adalah jawapan tepat kerana kesinambungan pimpinan negara terjamin dan diketahui umum.

“Ia akan mengakhiri semua spekulasi awal dan kita berjanji akan terus bekerja seperti biasa untuk menghadapi proses cabaran baru,” katanya sambil memberi contoh penekanan Dr. Mahathir dalam pembaharuan pelajaran Matematik dan Sains

sebagai satu cabaran yang perlu dihadapi oleh rakyat negara ini.

Beliau turut merakamkan bahawa keputusan Dr. Mahathir untuk berundur menjadikan 22 juta rakyat Malaysia kehilangan seorang pemimpin yang luar biasa.

Seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, peralihan kuasa berkenaan telah memberi kelegaan bukan sahaja kepada UMNO malahan kepada seluruh rakyat kerana ia tidak dibuat secara mendadak.

“Tentulah juga menunjukkan keyakinan beliau kepada kepimpinan Abdullah yang mahu beliau menerajui negara selepas tempoh Perdana Menteri yang ada sekarang tamat pada tempoh yang telah ditetapkan.

, ■ Lihat muka 4

SUKORIG Abdullah ganti Mahathir

“Ini sudah tentulah menghilangkan keraguan dan ketidak-tentuan yang telah timbul sebelum ini. Pihak saya dan saya memberi sokongan padu dan penuh kepada keputusan yang dibuat,” katanya.

Muhyiddin turut menjelaskan bahawa semua pihak perlu mengakui sumbangan besar Dr. Mahathir kepada negara dan parti serta menghormati pengorbanan tersebut.

“Kita juga harus menghormati hasrat dan pendirian beliau itu,” tambahnya.

Dalam menyatakan sokongan kepada Abdullah, Ketua Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, semua pihak perlu bersama-sama memastikan peralihan kuasa ini berjalan dengan baik.

“Saya benar-benar menghargai keprihatinan Dr. Mahathir dalam mengambil kira desakan bersama dalam MT dan rakyat umum agar beliau menarik balik keputusan meletakkan jawatan yang diumumkan secara mendadak,” katanya.

Rafidah berkata, hakikat itu terbukti apabila Dr. Mahathir telah memberi jangka waktu peralihan.

Langkah menamakan Abdullah sebagai pengganti pula akan menutup segala ruang untuk mana-mana pihak membuat spekulasi, katanya.

Rafidah menambah apa yang lebih penting dalam peralihan kuasa ini ialah akan wujud ketenteraman peralihan dasar-dasar daripada semasa Dr. Mahathir kepada masa Abdullah.

“Ini penting kerana bagi semua masyarakat di Malaysia, bukan melihat peralihan kepimpinan yang baik sahaja tetapi juga kesinambungan dasar-dasar baik diteruskan,” katanya.

Pada sidang akhbar itu, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein turut berikrar bahawa Pemuda UMNO akan memberi sokongan tidak berbelah bahagi semasa proses peralihan kuasa itu.

“Sokongan ini akan diteruskan dalam masa peralihan kuasa dan kita juga berjanji akan memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Abdullah sebagai penggantinya,” katanya.

Dalam pada itu, Hishammuddin berkata, beliau menghargai sumbangan Presiden serta menghormati pendirian dan kesanggupannya untuk mendengar rayuan dengan mengambil kira kedudukan dan kepentingan parti melebihi kepentingan diri dan keluarga.